



**NOTA PERCAKAPAN
YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD
RAHMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR
GEMILANG BERSAMA PENJAWAT AWAM**

**13 OGOS 2020 (KHAMIS), 10.45 PAGI
HOTEL DE BARON LANGKAWI**

PEMBUKA BICARA

1. Penghargaan dan terima kasih kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah khususnya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan rakan-rakan strategik Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Negeri Kedah dan Jabatan Penerangan Malaysia selaku penganjur yang menjayakan Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Bersama Penjawat Awam.
2. Saban tahun kita meraikan sambutan Bulan Kebangsaan dan mengibarkan Jalur Gemilang dengan pelbagai cara dan usaha untuk menyemarakkan semangat patriotisme.
3. Pada tahun ini, terdapat sedikit kelainan berbanding tahun-tahun terdahulu, di mana sambutan akan diadakan dalam skala yang lebih kecil dengan mengambil kira situasi semasa dalam memutuskan rantaian COVID-19.
4. Sepanjang Bulan Kebangsaan, pelbagai program bakal diadakan. Ini termasuk Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara yang telah dilancarkan pada 9 Julai oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri disusuli dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2020 pada 28 Julai 2020 di Dataran Perdana, Putrajaya. Manakala sambutan Hari Kebangsaan pula akan diadakan pada 31 Ogos 2020 bertempat di Kuala Lumpur dan sambutan Hari Malaysia akan diadakan di Sibul, Sarawak pada 16 September 2020.

MALAYSIA PRIHATIN

5. Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini bertemakan "Malaysia Prihatin". Tema ini amat bertepatan dengan aspirasi yang didukung kerajaan ini, bahawa seluruh rakyat MALAYSIA, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan NGO mahupun orang perseorangan turut bersama-sama memerangi musuh di kala ini iaitu wabak Covid-19. Manakala PRIHATIN menunjukkan inisiatif kerajaan yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan rakyat Malaysia.

6. Semangat MALAYSIA PRIHATIN sebenarnya telah lama tersemat jiwa seluruh rakyat kita dan ianya telah dizahirkan melalui rasa sayang, cinta dan kasih pada tanahair. Hasilnya keharmonian dan keamanan di negara kekal sehingga kini. Pelbagai dugaan dan cabaran yang ditempuhi oleh negara kita, namun apa yang membanggakan rakyat bersatu padu dan bekerjasama menyelesaikan masalah tersebut. Mereka tampil untuk memberikan bantuan dan sokongan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Ini petanda baik yang membuktikan rakyat Malaysia boleh bersatu sama ada di waktu susah apatah lagi dalam waktu senang.

RUKUN NEGARA

7. Rukun Negara telah diwujudkan pada 1970 bertujuan mencapai satu pegangan atau pengertian terhadap aspirasi nasional antara pelbagai kaum di Malaysia tanpa mengira asal usul dan keturunan masing-masing.
8. Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air, tidak ketinggalan juga prinsip-prinsip Rukun Negara yang sentiasa kita junjung. Sejak di bangku sekolah lagi, kita diperkenalkan dengan lima prinsip Rukun Negara yang tidak pernah lekang di ingatan kita.
9. Lima prinsip ini menjadi asas identiti diri dan penyatuan kita sebagai bangsa Malaysia tidak kira sama ada anda seorang Melayu, Cina, India, Sikh, Kadazan, Dusun, Iban, Murut, Melanau, Orang Asal atau mana-mana kaum dan suku kaum sekalipun sekiranya anda bergelar warganegara Malaysia, inilah ciri-ciri yang wajib anda miliki.
10. Perbezaan ras dan warna kulit tidak menjadi penghalang kepada kita semua untuk bersatu hati sebagai satu bangsa yang mempunyai nilai-nilai yang sama, yang berpegang kepada prinsip kenegaraan yang sama, dan berbangga menjadi warga sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni. Pegangan ini yang mempertautkan seluruh rakyat Malaysia dalam satu semangat dan nilai perpaduan yang jitu.

11. Penjawat awam juga wajib menghayati Rukun Negara seperti kesetiaan kepada Raja dan Negara yang bermaksud kesetiaan kita kepada sistem negara yang ada seperti Perdana Menteri dan barisan kabinet tanpa mengira kefahaman politik.
12. Penjawat awam diingatkan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan tanpa dibayangi fahaman politik bagi membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Penjawat awam sebagai jentera kerajaan sentiasa berada dalam pentadbiran untuk melaksanakan agenda pemerintahan negeri, negara berbanding pemimpin politik yang datang dan pergi.
13. Penjawat awam hendaklah sentiasa berpegang kepada prinsip, nilai moral, berintegriti dan bermaruah.

SEJARAH PERKHIDMATAN AWAM DAN KEMERDEKAAN

14. Perkhidmatan Awam Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Malayan Civil Service (MCS) telah melaksanakan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di negara ini. Dikorakkan melalui perkembangan sejarah negara, sosial dan institusi politik, Perkhidmatan Awam Malaysia mempunyai rekod yang amat menarik. Sewaktu era pra-kemerdekaan, pihak British telah memperkenalkan struktur dan amalan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan asas kepada rakyat dalam usaha untuk menjamin keamanan yang selari dengan aktiviti ekonomi dan politik pada waktu itu. Struktur dan amalan tersebut merupakan asas penubuhan kepada MCS.
15. Perkhidmatan Awam Malaysia telah diperturunkan oleh legasi Perkhidmatan Awam British dengan perubahan asas yang telah berlaku secara signifikan 50 tahun lepas. Secara ringkas, apabila mengimbuai kembali sejarah Perkhidmatan Awam Malaysia, penubuhannya bermula pada awal tahun 1700 apabila Syarikat India Timur British menakluki Pulau Pinang. Pada waktu itu, perkhidmatan awam dianggotai oleh pemegang biasiswa terbaik dan pintar dari England yang dilantik sebagai Pegawai Tadbir.

16. Laporan Northcote-Trevelyan tahun 1845 telah menggariskan etos perkhidmatan awam yang memberi penekanan bahawa perkhidmatan awam yang neutral dari segi politik bermakna taat setia sepenuhnya kepada Kerajaan yang memerintah pada hari itu tidak mengira perbezaan fahaman politik.
17. Penjawat awam yang profesional, sepatutnya menawarkan buah fikiran serta pandangan yang wajar dan adil, demi kepentingan rakyat dan taat kepada Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Akhirnya, Perkhidmatan Awam harus memastikan kestabilan berterusan sekiranya berlaku pertukaran Kerajaan yang memerintah. Doktrin asas ini menentukan prinsip am Perkhidmatan Awam Malaysia untuk tempoh 50 tahun yang lalu sejak negara mencapai kemerdekaan.
18. Hingga kini, Perkhidmatan Awam Malaysia mempunyai kekuatan seramai 1.6 juta orang meliputi 239 skim perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

PEMATUHAN COVID 19

19. Kita masih lagi berada di bawah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan trend penularan wabak COVID -19 masih lagi kekal rendah dan terkawal. Namun begitu, situasi ini tidak boleh diambil mudah oleh kita semua. Saya pasti Tuan-tuan/Puan-puan tidak mahu kerajaan kembali melaksanakan lock down sekiranya kes-kes COVID-19 meningkat dengan mendadak. Saya juga berdoa dan berharap agar kita tidak perlu sampai ke tahap itu.
20. Kejayaan kita memerangi COVID-19 dalam fasa pemulihan ini adalah bergantung kepada diri kita sendiri. Ia bergantung kepada kesedaran kita, sikap kita dan amalan kita. Amalan kebiasaan baharu atau new normal mesti kita teruskan. Jangan kerana kes-kes COVID-19 semakin berkurangan, kita tidak lagi memakai pelitup muka di tempat awam. Teruskan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan bagi memutuskan rantai wabak tersebut.

21. Penjarakan fizikal juga mesti diteruskan. Pastikan jarak kita sekurang- kurangnya satu meter dari orang lain. Elak tempat yang sesak dan sempit. Sentiasa beringat untuk elakkan sentuhan badan. Teruskan memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam atau bersama khalayak ramai, mengamalkan kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan serta menggunakan **hand sanitizer**.
22. Sekali lagi Penjawat Awam diingatkan untuk mengelakkan 3S – iaitu berada di tempat **sesak** (*crowded places*), tempat yang **sempit dan tertutup** (*confined space*) dan **bersebang dekat-dekat**. (*close conversation*). Pada 1 Ogos yang lalu, Kerajaan telah mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat-tempat awam. Dan sekiranya pengguna engkar untuk memakai maka mereka boleh dikenakan denda sebanyak RM1000. Peringatan ini harus dipanjangkan juga kepada kaum keluarga dan jiran-jiran terdekat anggota Perkhidmatan Awam.

KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

23. Bersempena dengan sambutan bulan kebangsaan, kita turut merayakan sambutan ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing, di bangunan-bangunan pejabat dan gedung perniagaan serta di kenderaan kita. Ini dilakukan setiap tahun sebagai tanda rasa cinta kita kepada Malaysia.
24. Kita ingin lihat semangat patriotisme ini sentiasa mekar dalam hati kita. Mudah-mudahan dengan cara ini rasa cinta kita kepada negara tidak akan pudar sampai bila-bila. Justeru itu, saya menyeru kepada para penjawat awam, Ayuh semua, kita jadikan ianya sebagai tradisi dan kibarkan Jalur Gemilang di kediaman kita.

PERUBAHAN LANSKAP PERKHIDMATAN AWAM

25. Era Norma Baru telah mengubah Lanskap perkhidmatan awam. Penggunaan teknologi digital dan komunikasi maklumat (ICT) telah mengubah cara kita bekerja dan menyumbang ke arah usaha kita untuk menjadi lebih efektif dan efisien dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan kita, sama ada dalaman ataupun

luaran. Seperti mana yang telah kita lalui sebelum ini melalui pelaksanaan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) atau Fleksi BDR.

26. Era norma baharu kini menuntut penjawat awam untuk mempertingkatkan kemahiran teknologi digital dan komunikasi maklumat. Ini selaras dengan sasaran untuk mencapai 40% perkhidmatan dalam talian Kerajaan secara hujung-ke-hujung (end-to-end). Usaha ini dapat mengurangkan keperluan rakyat untuk berkunjung ke kaunter-kaunter di agensi dan Jabatan kerajaan, di samping melonjakkan daya saing sektor ekonomi yang terlibat.
27. Sememangnya, teknologi akan terus ghairah dengan ledakannya, tetapi kita, pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam harus bijak menilai teknologi yang diperlukan untuk memperjuangkan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

PENJAWAT AWAM RELEVAN DAN BERKEMAMPUAN

28. Perkhidmatan Awam merupakan tonggak atau tulang belakang kepada pentadbiran negara. Mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam yang ada pada masa sekarang telah mencapai tahap kematangan yang tinggi dan telah melonjakkan kepada kemajuan negara.
29. Kerajaan mengimpikan sebuah perkhidmatan awam yang terbentuk daripada pegawai awam yang berpengetahuan dan sentiasa peka terhadap perkembangan perkara-perkara semasa yang berkaitan dengan dirinya, berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sebuah organisasi yang berwawasan serta mempunyai satu *shared vision* untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan bertepatan dengan keperluan Rakyat dan Negara.
30. Di sini, saya ingin berpesan kepada semua Penjawat Awam 'Kita perlu beradaptasi dengan keadaan persekitaran untuk kekal relevan dan terus bertahan. Kerja dengan sepenuh hati dan amalkan budaya kerja berintegriti, utamakan Kesegeraan (*urgency*)

dan kepantasan bekerja, selain peka dan responsif kepada kehendak dan keperluan realistik pelanggan serta pemegang taruh (stakeholders). Jika ada proses kerja yang perlu diubah (CHANGE) bagi mempercepatkan proses perkhidmatan, ia perlu dilakukan dengan segera agar dapat membantu sektor ekonomi kembali ke landasannya, buat dengan pantas (SPEED), tanpa melanggar prinsip-prinsip INTEGRITI. Kita perlu memudahkan (facilitate) dan bukan mengecewakan (frustrate)'. (*To Facilitate Not To Frustrate*)

KENEGARAAN DAN PENJAWAT AWAM

31. Kerajaan turut menggalakkan agar pengambilan perjawatan di sektor awam perlu mempunyai pengetahuan yang luas dari aspek kenegaraan. Ianya satu langkah yang berterusan untuk memastikan bahawa penjawat awam yang dilantik mempunyai pengetahuan semangat cinta negara yang tinggi. Dalam mengekalkan momentum tersebut secara berterusan, pusat-pusat kecemerlangan dan latihan sektor awam turut menyediakan kursus-kursus berkonsep kenegaraan bagi menambah pengetahuan Penjawat Awam yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.
32. Di samping itu juga, pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas atau berkursus di luar negara digalakkan untuk memberi penerangan dan perkongsian maklumat tentang kecemerlangan negara kita kepada masyarakat luar. Secara tidak langsung memberikan imej yang baik kepada kerajaan dan negara.

PENUTUP

33. Kejayaan negara hari ini juga adalah usaha tanpa jerih perjuangan kita pada suatu ketika dahulu bagi melihat sebuah negara yang bebas diperintah dan ditadbir sendiri oleh rakyatnya.
34. Kitalah benteng Negara, bagi mewariskan sebuah pentadbiran awam yang cekap, berintegriti dan cemerlang kepada generasi yang seterusnya. Ia perlu dimulakan dari sekarang selagi kita memakai tanda nama (*name tag*) sebagai penjawat awam. Kita

wajib mempertahankan nama dan reputasi Perkhidmatan Awam walaupun kelak kita telah bersara, kita tetap dianggap pesara kerajaan.

35. Marilah kita bersama-sama menjaga negara kita dengan sebaik-baiknya, kerana wujudnya negara ini bukannya dalam sekelip mata, malah melibatkan pengorbanan dan air mata. Janganlah kita diperdaya untuk memusnahkan dan merosakkannya. Merosakkan sesuatu yang telah diusahakan amatlah mudah berbanding untuk kita menjaga atau mengekalkannya. Untuk bangkit atau bangun semula selepas kehancuran bukannya sesuatu yang mudah dalam tempoh yang singkat. Ia memerlukan masa dan tempoh yang panjang untuk kita bangkit!
36. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Penerangan Malaysia dan semua rakan strategik JPA terutamanya Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Negeri Kedah, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan.
37. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim melancarkan **Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Bersama Penjawat Awam.**

Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
13 Ogos 2020

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 13 Ogos 2020
Tel : 03 - 8885 3710/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (91)